



**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**

**YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG  
TIMBALAN MENTERI  
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**BAGI MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM MINI KARNIVAL USAHAWAN DESA @  
KOTA SAMARAHAN, SARAWAK**

**02 FEBRUARI 2024 (JUMAAT)**

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi**

**Wabarakatuh**

**Salam Sejahtera dan Salam Luar Bandar  
Sejahtera**

**(Salutasi Seperti Dilampirkan)**

## **PENDAHULUAN**

1. Pertama sekali, saya ingin panjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat-Nya dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis Perasmian Program Mini Karnival Usahawan Desa atau Mini KUD@Kota Samarahan, Sarawak pada petang ini.

2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah – YAB Datuk Patinggi Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang sudi berkunjung ke Kota Samarahan dan seterusnya merasmikan acara perasmian Mini KUD pada petang ini.
  
3. Terima kasih saya ucapkan kepada bahagian-bahagian di Kementerian, jabatan dan agensi seperti MARA, RISDA, FELCRA, KEMAS dan PERDA serta Pejabat Residen Bahagian Samarahan dan Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) khasnya yang

telah sama-sama membantu KKDW menganjurkan program ini.

4. Terima kasih juga kepada rakan-rakan media yang turut hadir memberi sokongan hebatan bagi menarik kehadiran pengunjung ke program ini dan seterusnya menyokong produk dan perkhidmatan usahawan luar bandar.
5. Dan tidak dilupakan, sekalung penghargaan saya ucapkan kepada semua pengunjung yang memberi sokongan sepanjang program ini yang telah berlangsung sejak semalam (1 Februari 2024).

# **PENGISIAN                      PROGRAM                      MINI KUD@KOTA SAMARAHAN, SARAWAK**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Karnival Usahawan Desa (KUD) antara program pemasaran di bawah KKDW untuk memartabatkan produk dan perkhidmatan usahawan luar bandar melalui penyediaan platform bagi mempromosi kemudahan serta insentif yang disediakan oleh sektor awam dan swasta dalam membantu perkembangan perniagaan usahawan luar bandar.

## **Aktiviti Jualan Usahawan :**

7. Sebagai fokus utama pelaksanaan Mini KUD di Kota Samarahan ini, seramai 100 lebih usahawan dari pelbagai agensi di bawah KKDW dan usahawan tempatan yang terdiri daripada kategori makanan dan minuman, diikuti oleh fesyen pakaian wanita, lelaki dan kanak-kanak, kecantikan dan kesihatan, kraftangan dan produk pertanian. telah menyertai program ini.
  
8. Penganjuran Program Mini KUD pada kali ini turut meneruskan penampilan RBC Bistro yang disertai oleh pemenang-pemenang RBC daripada

Wilayah Sarawak bertujuan mencipta peluang akses pasaran yang lebih meluas, pelebaran jaringan perniagaan seterusnya berupaya mengembangkan perniagaan usahawan luar bandar.

## **Aktiviti Pameran dan Tarikan Pengunjung**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

9. Mini KUD pada kali ini juga mendapat sokongan penyertaan daripada agensi luar KKDW seperti Kementerian Ekonomi menerusi Jabatan Perangkaan Malaysia (Perangkaan), Jabatan

Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

10. Membawa sedikit kelainan berbanding Mini KUD yang telah dilaksanakan sebelum ini, Mini KUD @ Kota Samarahan mengetengahkan buat pertama kalinya beberapa pertandingan menarik seperti Pertandingan Tarian Nopeng dan Pertandingan Kicauan Burung.



11. Lebih menarik lagi, seawal 7:30 pagi esok, Mini KUD @ Kota Samarahan bakal melakar sejarah baharu yang mana Program Marathon Poco-poco akan memecahkan *Malaysia Book of Records* dengan bagi penyertaan teramai dalam masa 1 jam.

12. Sebenarnya banyak lagi aktiviti yang unik dan menarik disediakan khas untuk para pengunjung dan saya tidak mampu untuk senaraikan semua di sini. Pesanan saya adalah, datanglah dan rasailah sendiri pengalaman di Mini KUD@Kota Samarahan ini. Bak kata orang Sarawak, “jangan ponek sik merasa alur majlis urang.”

## **PENUTUP**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

13. Seperti penganjuran mini KUD sebelum ini, adalah menjadi harapan saya agar penganjuran Mini KUD di Kota Samarahan ini akan dapat mencapai objektif utamanya iaitu sebagai satu platform kepada usahawan luar bandar khususnya di kawasan Samarahan dan sekitarnya untuk memasarkan produk dan turut mewujudkan peluang akses pasaran kepada pemborong, pengedar dan pembeli.

14. Akhir kata, saya ingin sekali lagi merakamkan penghargaan kepada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah – YAB Datuk Patinggi Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang sudi menghadiri majlis perasmian pada hari ini. Penghargaan juga kepada Kementerian dan agensi-agensi KKDW, Pejabat Residen Samarahan dan MPKS serta tidak dilupakan usahawan-usahawan luar bandar yang menjayakan sesi mini KUD pada kali ini.

15. Ucapan terima kasih khas saya kepada penduduk di Kota Samarahan dan sekitar yang telah berkunjung dan telah

menunjukkan sokongan dengan membeli dan menggunakan produk dan perkhidmatan keluaran usahawan luar bandar, yang sememangnya mempunyai kualiti setanding barangan berjenama di pasaran.

**Sekian, terima kasih.**

**Wabillahi Taufik Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi**

**Wabarakatuh**

**-TAMAT-**